

CNS3115

U GB 13-09 00208 BA923

aab

PM: PILIH KERAJAAN YANG ADA HUBUNGAN DENGAN PUSAT
Mahathir - Pilih

BETONG (Seri Aman), 13 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat negeri ini supaya memilih wakil rakyat negeri ini daripada parti yang sama dengan Yang memerintah kerajaan pusat pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri pada 27 dan 28 Sept ini.

Perdana Menteri berkata, langkah itu ialah bagi memudahkan kerajaan' pusat menyalurkan pembangunan ke negeri ini.

+Saya ingin ingatkan bahawa pilihan raya untuk kerajaan pusat telah diadakan pada tahun lepas dan kerajaan yang didirikan di peringkat pusat ialah kerajaan Barisan Nasional (BN).

+Kerajaan ini akan berkuasa sehingga tahun 1995. Jadi kalau dipilih kerajaan di negeri Sarawak yang tidak ada hubungan yang baik dengan kerajaan pusat, susah hendak dapat pembangunan,+ katanya ketika merasmikan Sekolah Menengah Vokasional di sini.

Menurutnya, beliau bukan hendak berkempen tetapi beliau hendak mengingatkan bahawa pilihan raya yang (bakal) diadakan di Sarawak ini ialah untuk memilih kerajaan bagi negeri Sarawak, bukan untuk memilih wakil rakyat.

+Seorang wakil rakyat sahaja tidak boleh buat apa. Hanya kalau seseorang wakil rakyat itu daripada parti yang membentuk kerajaan, barulah dia boleh tolong rakyat,+ katanya. -- Lagi

♥13/09/12-38MST

CNS3118

U GB 13-09 00170 BA924

aab

Mahathir - Pilih 2 Betong''

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dua buah negeri di negara ini (Kelantan dan Sabah) yang memilih kerajaan tidak daripada BN, kini menghadapi masalah kerana negeri-negeri berkenaan memerlukan kerjasama daripada pusat.

Beliau berharap perkara itu diambil perhatian dan ingatan kerana kerajaan pusat ingin bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri.

Dengan itu, menurutnya, lebih mudahlah bagi kerajaan pusat bekerjasama dengan kerajaan negeri yang terdiri daripada satu parti.

Katanya, beliau berharap perkara itu diberi perhatian oleh penduduk di sini semasa diadakan pemilihan kerana kerajaan pusat dan negeri-negeri berhasrat untuk membangunkan negara ini termasuk negeri Sarawak.

Menurutnya, setiap kali beliau datang ke negeri ini, beliau melihat pembangunan yang pesat berlaku di Sarawak, mungkin lebih pesat daripada pembangunan di negeri-negeri di Semenanjung.

Jalan-jalan dibina, dewan-dewan suarah diadakan., sekolah-sekolah, klinik dan bermacam-macam lagi diadakan bukan semata-mata kerana perbelanjaan peruntukan kerajaan pusat tetapi kerajaana negeri sememangnya berhasrat membangunkan negri Sarawak dan memberi peruntukan yang banyak untuk pembangunan. -- Lagi

♥13/09/12-41MST

CNS3168

R GB 13-09 00121 BH015

aab

Mahathir - Pilih 3 Betong

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan pusat akan memberi bantuan dalam bidang-bidang tertentu seperti pendidikan dan perubatan, yang merupakan tanggungjawabnya.

Beliau berkata, hasil politik pembangunan yang diamalkan oleh kerajaan negeri, Sarawak pesat membangun di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar.

Katanya, kerajaan menubuhkan sekolah-sekolah vokasional di negeri ini bagi membolehkan rakyat dilatih menjadi pekerja mahir sebagai persediaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, kerajaan mahu generasi muda di Malaysia hidup dalam negara yang maju seperti di Jepun, England dan Amerika Syarikat,

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu belajar hidup cara moden mulai sekarang serta menjaga kebersihan persekitaran masing-masing. -- Lagi

♥13/09/14-15MST

CNS3169

R GB 13-09 00089 BH016

aab

Mahathir - Pilih 4 Betong

Yang turut mengiringi Datuk Seri Dr Mahathir dan isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Alfred Jabu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, Menteri Pendidikan, Datuk Dr Sulaiman Daud serta isteri masing-masing.

Terdahulu itu, jet eksekutif yang membawa Perdana Menteri tiba di Lapangan Terbang Anfarabangsa Kuching pada kira-kira pukul 9.10 pagi.

Beliau dan rombongan kemudiannya menaiki helikopter Nuri ke sini. -- Bernama